

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN BIN HAJI AMPON
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Sempena

Majlis Perasmian Pameran Pelukis Sabah
Pada 1 April 2009, 1.30 Petang
Bertempat Di Sekolah Pengajian Seni

*Bismillahir-Rahmanir-Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera.*

Pegawai-pegawai Utama UMS,

Y.Bhg Datuk Mohd Yaman Mus, Pengarah Balai Seni Lukis Sabah

Y.Berusaha Prof. Madya Hj. Inon Shaharuddin Abdul Rahman,
Dekan Sekolah Pengajian Seni,

Para Dekan,

Ketua-ketua Jabatan,

Pelukis-pelukis Sabah,

Seterusnya para hadirin yang dikasihi sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita berkumpul pada petang ini dalam suasana yang meriah sempena Majlis Perasmian Pameran Pelukis Sabah.

Tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar program Seni Visual Sekolah Pengajian Seni khususnya pelajar tahun 2 yang berjaya menganjurkan **Pameran Pelukis-pelukis Sabah** di Galeri Seni SPS. Perkembangan ini pastinya akan memartabatkan lagi kedudukan UMS sebagai salah satu institusi yang mendukung penuh aktiviti kesenian dan prihatin terhadap perkembangan kesenian di Sabah.

Saya berkeyakinan penuh dan optimis bahawa aktiviti sebegini dapat membawa mesej yang jelas kepada masyarakat khususnya warga universiti, betapa karya-karya seni juga memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat melalui paparan visual.

Saya ingin menyorot kembali apa yang berlaku pada abad ke-14 hingga ke-17 iaitu zaman Renaissance yang bermula di Itali. Disitulah munculnya beberapa pelukis hebat seperti Leonardo da Vinci yang terkenal dengan lukisan potret Mona Lisa dan Michelangelo. Mereka ini bukan sahaja seorang pelukis tetapi juga seorang *mathematician, engineer, inventor, anatomist, painter, sculptor, architect, botanist, musician and writer*.

Jika pelukis-pelukis hari ini dibandingkan dengan pelukis pada zaman Renaissance, saya percaya kita berada agak jauh kerana pelukis-pelukis pada hari ini tidak *versatile* dalam pelbagai disiplin ilmu. Pelukis hari ini hanya mengetahui ilmu melukis semata-mata dan bukan sebagai saintis atau jurutera.

Saya tertarik dengan lukisan Mona Lisa yang dianggap paling dominan dan tidak ternilai harganya. Lukisan Mona Lisa mula dilukis pada tahun 1503 dan berterusan selama empat tahun. Lukisan ini sempat disiapkan sebelum kematian Leornardo pada tahun 1519. Ini hanyalah satu contoh kegigihan, komitmen dan kajian analitis pelukis dengan subjek karyanya pada ketika itu. Persoalannya, adakah pelukis kita pada hari ini mampu mencontohi pelukis-pelukis master pada ketika itu?.

Sehubungan dengan itu, saya menyeru para pelukis yang hadir pada hari ini, khususnya pada pelajar-pelajar yang bakal menjadi pelukis pada satu hari nanti agar menjadi seorang pelukis yang *versatile*, menguasai pelbagai bidang disiplin ilmu. Saya percaya satu hari nanti akan lahir Leornardo da Vincci bersama Mona Lisa keluaran Universiti Malaysia Sabah.

Saya juga menyeru Sekolah Pengajian Seni agar menjadikan Galeri Seni SPS lebih berfungsi dan relevan dengan keperluan semasa dan dapat bersaing dengan galeri-galeri seni lain di Malaysia. Saya sentiasa memberi sokongan dan galakan agar bakal-bakal graduan seni dapat memainkan peranan dalam memertabatkan budaya Sabah melalui karya-karya seninya.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat bekerjasama dan komited bagi memastikan kerja-kerja pameran ini berjalan dengan lancar.

Saya yakin dan percaya, galeri ini kelak akan berupaya melahirkan modal insan yang berkualiti bagi memperkasa kemajuan sektor kesenian secara lestari dan sekaligus memacu pembangunan untuk kesejahteraan kita dan generasi yang akan datang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Pameran Pelukis Sabah, dengan rasminya.

Sekian.